



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
بوتبرفتي اسلام انبارا بعتنا ملدينا

KELAYAKAN DAN BIDANG KUASA  
HAKIM SYARIE ATAU QADHI MENGIKUT ISLAM  
PERBANDINGANNYA DENGAN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM  
WILAYAH PERSEKUTUAN

OLEH  
MOHD. ZAWAWI BIN NOR

KERTAS PROJEK INI ADALAH SATU LATIHAN ILMIAH UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN DIPLOMA UNDANG-UNDANG  
DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM  
SESI 1991 / 1992

KULLIYAH UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA ( UIA )  
PETALING JAYA, SELANGOR

MEI 1992

INTERNATIONAL ISLAMIC  
UNIVERSITY LIBRARY

ORDER NO: 6/PT LOCATION:  
DATE RECEIVED: 6/9/92 M.

ACC. NO: 128832

CALL NO:

## PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Allah S.W.T, tuhan semesta alam, salawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W para Sahabat, Tabiin, para Syuhada', dan Solihin.

Penulis merakamkan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah S.W.T, yang telah memberi kekuatan kepada penulis untuk menyiapkan kertas projek ini, bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam. Kajian ini telah melibatkan banyak pihak, di mana tanpa penglibatan mereka semua sudah tentu akan menyukarkan bagi pihak penulis untuk menyiapkannya.

Dalam kesempatan ini ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pensyarah-pensyarah semua, terutamanya kepada yang Berbahagia Al Ustaz Idris Bin Omar selaku penyelia penulis, yang telah banyak membantu, memberi pandangan, dan juga bimbingan dalam menyiapkan kertas projek ini. Penulis juga tidak melupai jasa-jasa pensyarah-pensyarah yang terlibat dalam memberi tunjuk ajar di sepanjang penulis menjalani kursus di sini. Terutamanya kepada yang berbahagia Dekan Kuliyah Undang-undang (UIA), Prof. Tan Sri Ahmad Ibrahim dan juga kepada Yang Berbahagia Prof. Dr. Mahmud Saedon Awang Othman selaku penyelaras kursus ini dan juga selaku Timbalan Dekan (Akedemik) Kuliyah Undang-undang (UIA).

Ucapan penghargaan ini juga, penulis tujukan kepada pihak Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, yang telah banyak memberi kerjasama kepada penulis di sepanjang penulis berada di


Mahkamah tersebut. Terutamanya kepada Encik Mohammad Bin Ibrahim (Ketua Pendaftar Mahkamah). Tak dilupakan juga kepada kakitangan-kakitangannya maupun yang terlibat secara langsung atau tidak dalam membuat penulis menyiapkan penulisan ini.

Seterusnya, untuk keluarga tersayang, yang banyak membantu dari sudut moral dan material., percayalah ...!! bahawa kejayaan ini adalah kejayaan untuk semua .... Dan rakan-rakan seperjuangan dalam kursus ini (DAIJ), terutamanya teman-teman serumah yang banyak mendorong penulis menuju kejayaan. Tak dilupakan juga untuk yang teristimewa Si Dia ..... moga kenangan bersamamu akan segar dalam ingatanku.

Untuk itu, Hanya Allah jua yang dapat memberikan ganjaran yang setimpal atas sumbangan kalian semua.

Wassalamualaikum

Yang Ikhlas



(MOHD ZAWAWI BIN NOR)  
Kg. Kubang Pak Amin,  
17000, Pasir Mas,  
Kelantan.

Mei 20. 1992

## ABSTRAK

Penulisan kajian ini mengemukakan persoalan mengenai kelayakan dan bidang kuasa hakim menurut Islam. Perbandingannya ditumpukan kepada peruntukan-peruntukan di dalam statut pentadbiran undang-undang Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, yang dirujuk kepada Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor) 1952, di ubah suai Perintah Wilayah Persekutuan 1974 dan juga statut-statut lain yang berkaitan.

Kajian ini dibahagikan kepada Empat Bab. Bab Pertama penulis mengutarakan persoalan pengertian Hakim, dalil-dalil pensyariatannya, hukum-hukum memegang jawatan tersebut dan kepentingannya. Dalam bab yang sama pada fasal keduanya pula penulis mengutarakan tentang cara perlantikan hakim atau qadhi, method perlantikan serta juga syarat-syarat untuk menjadi hakim atau qadhi.

Bab kedua pula membincangkan mengenai aspek-aspek bidang kuasa hakim yang merangkumi pengertian bidang kuasa menurut Islam, pengkhususan bidang kuasa (pengertiannya), tabiat bidang kuasa hakim atau qadhi, dalil-dalil pensyariatannya dan juga sepintas lalu mengenai latar belakang sejarah mengenai sejarah bidang kuasa hakim di zaman pemerintahan Islam, serta juga meninjau sedikit mengenai perkembangan di negara kita Malaysia.

Manakala di dalam bab yang ketiga, penulis menumpukan kajiannya kepada peruntukan-peruntukan dan pelaksanaan di dalam Pentadbiran undang-undang Islam Wilayah Persekutuan tentang perlantikan, syarat-

syarat kelayakan dan bidang kuasa hakim atau qadhi.

Seterusnya di dalam bab yang keempat dan terakhir dalam kajian ini, penulis membuat suatu kesimpulan terhadap kajiannya dan mengemukakan beberapa saranan-saranan kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh hakim dan pihak pentadbirnya.

## PENDAHULUAN

Bidang kehakiman adalah suatu aspek yang penting bagi menegakkan keadilan, keamanan, dan kesejahteraan masyarakat khususnya dan negara amnya. Oleh itu, menjadi satu kemestian bagi kita untuk mengeselok belok dan ciri-ciri kehakiman secara lebih dekat. Berdasarkan daripada inilah penulis merasakan kajian tentang kelayakan dan bidang kuasa hakim ini perlu di perbincangkan kepada umum. Ciri-ciri yang dituntut oleh Islam serta kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya sudah semestinya diketahui dan difahami oleh kita. Ini penting agar masyarakat faham akan tugas-tugas dan peranan pihak-pihak yang bertanggungjawab mengadili dan mengurus peraturan-peraturan kehidupan mereka.

Tumpuan kajian ini lebih menitikberatkan kepada konsep kelayakan dan bidang kuasa hakim menurut Islam dan perbandingannya sejauh manakah konsep ini diamalkan di dalam pentadbiran Undang-undang Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Statut yang digunakan dan menjadi rujukan utama adalah tertumpu kepada Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor), 1952, Perintah Wilayah Persekutuan 1974 dan juga Akta 303, Akta Undang-undang Keluarga Islam 1984 (Wilayah Persekutuan).

Penilaian yang dibuat terhadap ciri-ciri hakim syariah dan bidang kuasanya yang diperuntukkan itu bersesuaian dengan konsep Islam atau sebaliknya. Kajian ini penting demi untuk menyelidiki pentadbiran kehakiman dewasa ini, agar perlaksanaannya tidak

bercanggah dengan apa yang disyariatkan oleh Islam.

#### TUJUAN KAJIAN

Penulis membuat kajian ini disebabkan ingin menyelidiki tentang konsep-konsep sebenar kriteria seorang Hakim dan bidang kuasanya yang telah disyariatkan oleh Islam. Ini penting kepada masyarakat seluruhnya agar mereka faham garis-garis sebenar di dalam aspek kehakiman. Selain itu penulis bertujuan untuk menyedarkan masyarakat akan pentingnya konsep keadilan dalam sistem kehakiman dan sekali gus menolak sistem kehakiman yang bukan dari syariat Allah dalam kehidupan mereka.

Seterusnya penulis berharap kajian ini akan dapat mengemukakan suatu pendedahan kepada amalan-amalan atau peruntukan-peruntukan yang digariskan di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor), 1952, Perintah Wilayah Persekutuan 1974 itu bersesuaian atau tidak dengan konsep Islam kepada kacamata masyarakat serta pemasalahan yang dihadapi oleh pihak pentadbiran mahkamah.

Skop kajian ini berkisar tentang konsep kelayakan dan bidang kuasa hakim menurut Islam yang diperbandingkan penggunaan dan perlaksanaannya di dalam pentadbiran undang-undang Islam di Wilayah Persekutuan dengan merujuk kepada peruntukan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor), 1952, Perintah Wilayah Persekutuan 1974 dan statut-statut lain yang berkaitan.

Statut-statut tersebut dijadikan contoh kajian bagi melihat

sejauhman konsep Islam tentang kelayakan dan bidang kuasa hakim itu dilaksanakan oleh institusi kehakiman masa kini. Penumpuan secara terperinci dibuat kepada bidang kuasa hakim Syariah di dalam pentadbiran Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

#### METHODOLOGI KAJIAN

Penelitian kajian ini dihasilkan beberapa method bagi mengumpulkan data-data dan mengolah semula kesemua maklumat-maklumat yang diperolehi. Ianya dibuat melalui cara:-

(i) Method mengumpul data

Di dalam pengumpulan data-data, penulis menggunakan tiga method utama dokumentasi, method observasi, dan method temubual.

(a) Method Dokumentasi

Melaluinya kajian perpustakaan dapat membantu penulis untuk mengumpul data-data yang boleh menghuraikan aspek-aspek seperti pengertian, syarat-syarat kelayakan dan bidang kuasa hakim Islam. Data-data ini diperolehi dari maklumat-maklumat di dalam Al Qur'an, al Hadis, buku-buku dan bahan-bahan bacaan yang lainnya.

(b) Method Observasi

Kajian ini merupakan suatu bentuk penyelidikan Diskriptif. Dari itu penulis lebih banyak menumpukan kepada kajian tinjauan yang meluas dan mendatar. Method ini amat penting digunakan kerana untuk melihat dan menilai fakta-fakta yang sedia ada, mengkaji beberapa statut dan

kes-kes yang dilaksanakan di dalam pentadbiran Undang-undang Islam dan pentadbiran Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

(c) Method Temubual

Sebagai tambahan kepada method observasi, method temubual dimuatkan bersama demi untuk memperolhei data-data sampingan dan terbaru. Pihak-pihak yang berauthoriti sama ada di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan mahupun Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan juga dijadikan sebagai maklumat oleh penulis. Temubualini berbentuk Non-Structure, ini kerana penulis secara langsung meminta maklumat diberi penerangan dan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian.

(ii) Method Pengolahan dan Penganalisan Data

Pengolahan dan penganalisan data ini dibuat dengan method induktif dan method komperatif (perbandingan). Method Induktif adalah suatu kesimpulan secara umum daripada data-data yang diperolehi. Manakala Method komperatif iaitu dengan membandingkan di antara data-data yang diperolehi dan membuat kesimpulan kepada perbandingan itu.

KELAYAKAN DAN BIDANG KUASA QADHI ATAU HAKIM SYAR'IE  
 MENURUT ISLAM : PERBANDINGANNYA DENGAN UNDANG-  
 UNDANG PENTADBIRAN ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

	DAFTAR ISI	Halaman
PENGHARGAAN	.....	xi
ABSTRAK	.....	iii
PENDAHULUAN	.....	v
DAFTAR KANDUNGAN	.....	ix

BAB SATU ( Fasal Satu )

PENGERTIAN HAKIM ATAU QADHI

1.1	Pendahuluan .....	1
1.2	Pengertian Hakim atau Qadhi .....	3
1.3	Dalil-dalil Pensyariaan Qadhi atau Hakim .....	6
1.3.1	Daripada Al Qur'an .....	7
1.3.2	Daripada Hadis-hadis .....	8
1.3.3	Daripada Ima' Ulama' .....	10
1.4	Kepentingan Jawatan Hakim atau Qadhi .....	11
1.4.1	Pelaksana Syariat .....	12
1.4.2	Menolak Kezaliman .....	13
1.4.3	Menerakkan Keadilan .....	14
1.5	Hukum Memegang Jawatan Hakim atau Qadhi .....	14

BAB SATU ( Fasal Dua )

KELAYAKAN, PERLANTIKAN, SERTA SYARAT-SYARAT

MENJADI HAKIM ATAU QADHI

1.2.1	Perlantikan Hakim atau Qadhi .....	22
1.2.2	Method atau Cara Perlantikan Hakim atau Qadhi ..	23
1.2.3	Syarat-syarat Menjadi Qadhi atau hakim .....	26

BAB KEDUA

ASPEK-ASPEK BIDANG KUASA HAKIM ATAU QADHI DALAM ISLAM

PENDAHULUAN DAN PERKEMBANGAN

2.1 Pengertian dan bidang kuasa ..... 39

2.1.1 Pengertian Bidang kuasa Hakim atau Qadhi  
Dalam Islam ..... 40

2.2.2 Bidang Kuasa Diri Dalam Kehakiman Islam ... 47

2.2.3 Bidang Kuasa Sempadan Kehakiman Islam .... 53

2.2 Pengkhususan Bidang Kuasa Qadhi atau Hakim  
Dalam Islam ..... 54

2.2.1 Pengertian Ikhtisas Al Qadhi ..... 55

2.2.1.1 Pengkhususan Bidang Kuasa qadhi atau  
Hakim Mengikut Tempat ..... 58

2.2.1.2 Pengkhususan Qadhi atau Hakim mengikut  
masa ..... 65

2.2.1.3 Pengkhususan Bidang kuasa Qadhi atau  
Hakim Mengikut Kes ..... 66

2.3 Tabiat Bidang Kuasa Qadhi atau Hakim Dalam Islam.. 67

2.4 Bukti-Bukti Pensyariaatan ..... 69

2.5 Sejarah Bidang Kuasa Qadhi ..... 71

2.5.1 Semasa Jahiliyah ..... 71

2.5.2 Zaman Rasulullah ..... 72

2.5.3 Zaman Khulafa' al Rasyidin ..... 73

2.5.4 Zman selepas Khulafa Al Rasyidin ..... 75

2.6 Perkembangan Di Malaysia ..... 77

BAB KETIGA

PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI WILAYAH

PERSEKUTUAN

3.1 Pemilihan dan Perlantikan Hakim ..... 86

3.2 Kelayakan Bagi Jawatan Qadhi atau Hakim Syariah .. 89

3.2.1 kelayakan Personaliti ..... 90

3.2.2 Kelayakan Akedemik ..... 91

3.2.3 Pengambilan Pegawai Hal Ehwal Islam  
sebagai Hakim Syariah ..... 92

3.3 Bidang Kuasa Hakim Syariah Mengikut Peruntukan ... 96

3.3.1 Bidang Kuasa Mal Atau Sivil ..... 96

3.3.2	Bidang Kuasa Kekeluargaan .....	99
3.3.3.	Bidang Kuasa Jenayah Syariah .....	101
3.3.4	Jawatan Kuasa Tangg bicara .....	104
3.4	Penggunaan Budu' bicara Hakim Syariah .....	106
3.5	Kedudukan Mahkamah Syariah Dan Undang Undang Islam....	109
3.5.1	Kedudukan Undang Undang Islam di Bawah Perlembagaan .....	111
3.5.2	Penubuhan Mahkamah Dan Bidang Kuasa .....	113
3.5.2.1	Bidang Kuasa Undang Undang Diri dan Orang Islam Sahaja .....	114
3.5.2.2	Penubuhan dan Struktur Mahkamah Syariah ...	115
3.6	Perkembangan Mutakhir dan Langkah Susulan .....	119

#### BAB KEEMPAT

#### KESIMPULAN DAN SARANAN

4.1	Kesimpulan Kajian .....	125
4.2	Saranan .....	131
4.2.1	Perlembagaan Persekutuan .....	132
4.2.2	Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Yang dilaksanakan Di Wilayah Persekutuan .....	134
4.2.3	Perubahan sistem Urusan dan Pentadbiran di mahkamah Syariah Syariah Wilayah .....	136
4.3	Penutup .....	138
	Bibliografi .....	142
	Lampiran .....	145

BAB  
SATU

## BAB I

### FASAL SATU

#### PENGERTIAN HAKIM ATAU QADHI

##### 1.1 Pendahuluan

Keadilan merupakan idaman setiap manusia dan merupakan perjuangan setiap bangsa dan umat. Dalam usaha mencapai keadilan ini berbagai falsafah dan undang-undang dicipta, malah undang-undang itu sentiasa dikaji dan diubah untuk kesesuaian keadilan yang dikehendaki. Akhirnya keadilan itu sentiasa berubah-ubah, sentiasa bertukar mengikut falsafah dan kemahuan masyarakat dan pemimpin semasa, serta tidak mempunyai keadilan yang tetap untuk dijadikan panduan bagi kepentingan manusia seluruhnya dan negara. Setiap natijah pengertian keadilan menjadi kabur dan menjadi satu bahan untuk ditertawakan. Bagi islam keadilan tidak kabur dan tidak relatif sebaliknya sentiasa digunakan untuk kepentingan seluruh umat manusia, tidak mengenal perbezaan bangsa, agama, sempadan politik, dan negeri. Sesungguhnya islam didatangkan untuk menegakkan keadilan dan memerangi segala kezaliman. Kita dapati banyak ayat Al-Quran dan Hadis yang menyuruh manusia menegakkan keadilan dan menerangi kezaliman.

Firman Allah:-

ان الله يامر بالعدل والاحسان وابتلى ذى القربى  
وينهاى عن الفحشاء والمنكر والبغى يعظكم لعلكم  
تذكرون



## 1.2 Pengertian Qadhi atau Hakim

-----

Pengertian Qadhi atau Hakim menurut bahasa, perkataan Qadhi berasal dari perkataan Arab iaitu (قضى يقضي قضاء) Manakala perkataan (حكم) juga berasal daripada bahasa Arab iaitu daripada (حكم يحكم حكومتاً) yang bermaksud mengetuai, menghukumkan. Kalau dikaitkan maksud kedua-duanya dengan (القضاء) membawa maksud yang sama iaitu, mengukum atau memberi hukum menentukan hukum ataupun menjatuhkan hukuman.

(Mohd. Idris Abd. Rauf al-Marbawi, hal: 142 - 143)

Manakala Qada' dari segi bahasa mempunyai berbagai maksud, antaranya:

- (i) Qa'da yang bermaksud sebagai<sup>4</sup> menyelesaikan, sebagaimana firman Allah s.w.t. (surah Al-Ahzab: 37).

Maksudnya;

فَلَمَّا قَضَىٰ زَيْدٌ مِنْهَا وَطَرًا زَوَّجْنَاكَهَا

Maka takala Zaid telah mengakhiri keperluan terhadap (Zainab) (menceraikannya) kahwinkan kamu dengan dia. (Maksudnya setelah habis edahnya).

- (ii) Qa'da yang membawa maksud<sup>5</sup> memerintahkan, Allah s.w.t telah berfirman:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا آيَاتِهِ  
وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا

Maksudnya: Dan tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain dari dia dah hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapamu dengan sebaik-baiknya.<sup>6</sup>

Apa yang dapat difahamkan daripada nas-nas itu hakim bolehlah dikatakan atau bermaksud seseorang yang bertanggungjawab untuk membuat satu-satu perintah.

(iii) Qa'da yang bermaksud sebagai satu hukuman yang dijatuhkan dan hakim pula adalah orang yang menjatuhkan hukuman itu seseorang yang membuat keputusan di dalam sesuatu perkara.<sup>7</sup>

(iv) Ianya bermaksud sebagai Menunaikan atau membayar (الإراد) <sup>8</sup> seperti firman Allah s.w.t.

فَإِذَا قَضَيْتَ الْعِلَالَهَ فَاسْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ

Maksudnya: Apabila kamu telah selesai menunaikan sembahyang maka bertebaranlah kamu di muka bumi.

(v) Qada' <sup>10</sup> yang bermaksud memutuskan hukuman, atau tetapkan sesuatu ketetapan. Manakala Hakim pula adalah orang yang memutuskan ketetapan. Firman Allah yang berbunyi,

وَقَضَىٰ بَيْنَهُم بِالْحَقِّ

Maksudnya;

Dan diberi keputusan di antara mereka dengan adil. 12

Manakala pengertian syara' pendapat beberapa difinisi di antaranya:

- (i) Qadhi atau Hakim adalah orang yang bertindak menyelesaikan perbalahan yang berlaku di antara dua pihak atau lebih di dalam sesebuah masyarakat yang mana ianya dilantik menjadi hakim.<sup>13</sup>  
Hukuman atau penyelesaian yang diberikan oleh hakim hendaklah berdasarkan kepada hukum syara; ianya wajib dipatuhi.<sup>14</sup>
- (ii) Imam syafie pula mendefinisikan Qada' sebagai menyelesaikan perbalahan di antara dua pihak atau lebih dengan hukum Allah iaitu menjelaskan hukum syara' di dalam sesuatu perkara.<sup>15</sup>
- (iii) Mengikut pendapat Ibn Rushd, beliau mendefinisikan hakim adalah seseorang yang memutuskan sesuatu hukuman kerana ia mempunyai kuasa.<sup>16</sup>
- (iv) Menurut pendapat Imam Haramain, Qada' adalah menzahirkan hukum syara' dan hakim adalah orang yang memutuskan sesuatu hukuman dan hakim itu juga memenuhi syarat-syarat menjadi hakim.<sup>17</sup>

(v) Hakim juga diistilahkan sebagai seseorang yang mempunyai bidang kuasa, dan ia boleh menjatuhkan hukuman. Hukuman yang dijatuhkan itu pula adalah berdasarkan hukum syara' yang telah  
18  
ditetapkan.

(vi) Al-Kassa-ni berpendapat pula, seseorang Hakim adalah orang yang bertanggungjawab menjatuhakan hukuman ke atas manusia dengan jalan yang benar dan dengan hukum yang telah diturunkan  
19  
oleh Allah s.w.t.

Dari takrifan-takrifan itu, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa seseorang hakim atau Qadhi itu adalah orang yang mempunyai bidang kuasa dalam menyelesaikan pertelingkahan dengan segala hukuman yang ditetapkan oleh  
20  
Allah s.w.t.

### 1.3 Dalil-dalil Pensyariatan Hakim

Konsep hakim dalam islam telah disyariatkan sama ada di dalam al-quran, al-hadis dan juga ijma' ulamak. Dalil-dalil ini jelas menunjukkan kepada kita tentang hakim serta bidang kehakimannya.

Antaranya ialah:

1.3.1 Kitab suci Al-Quran, sepertimana firman Allah s.w.t. yang berbunyi:-

يَا دَاوُدَ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ  
فَاَحْكُم بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ

Ertinya: Wahai Daud, Sesungguhnya kami telah menjadikan engkau khalifah (Penguasa) di bumi, maka hukumlah (memutuskan) manusia dengan hukum yang benar. 21

Dalil ayat ini memberi satu peringatan tegas kepada pihak yang berkuasa (yang memegang sesuatu kuasa) agar golongan ini melaksanakan segala hukuman di kalangan manusia dengan landasan-landasan hukuman yang telah ditetapkan atau yang diturunkan oleh Allah s.w.t.

Firman Allah seterusnya,

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يَحْكُمُوا  
فِيهَا شَا جِر بَيْنَهُمْ

Yang bermaksud;

Maka demi tuhanmu mereka pada hakikatnya tidak beriman sehingga mereka menjadikan kamu hakim terhadap perkara yang mereka perselisihkan. 22

Firmannya lagi,

وإن أحكم بينهم بما أنزل الله  
ولا تتبع أهواءهم

Maksudnya;

Dan hendaklah kamu memutuskan perkara di antara mereka menurut apa yang diturunkan Allah, dan janganlah kamu mengikut hawa nafsu mereka.<sup>23</sup>

Allah subhanahu wa taala berfirman,

أن أنزلنا إليك الكتاب بالحق لتحكم  
الناس بما ملك الله

Sesungguhnya kami telah turunkan kitab kepadamu dengan kebenaran, supaya kamu mengadili antara manusia dengan apa yang telah Allah s.w.t wahyukan kepadamu.<sup>24</sup>

Dalam surah atau ayat yang lain Allah berfirman;

وإن حكمت فاحكم بينهم بالقسط  
إن الله يحب المتقسطين

Maksudnya;

Dan jika kamu memutuskan sesuatu perkara diantara mereka maka hendaklah putuskanlah dengan wali. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang adil.<sup>25</sup>

1.3.2 Antara dalil-dalil daripada Hadis Rasulullah s.a.w.,  
antaranya, dari Amru Al-as yang berbunyi,

عن عمر بن الخطاب أنه سمع رسول الله يقول  
أحكم الحاكم فاجتهد ثم أصاب فله  
أجران وإذا حكمتم فاجتهد ثم أخطأ فله  
أجر

Maksudnya;

Dari amru Bin Al-As r.a, bahawa ia mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda; Apabila seseorang hakim memutuskan perkara dengan ijtihad, jika keputusan itu tepat, hakim itu mendapat atau memperolehi dua pahala, tetapi jika hakim itu memutuskan perkara itu dengan ijtihad dan keputusan itu tidak tepat, hakim itu memperolehi satu pahala. 26

Hadis tentang perantaraan Muaz bin Jabal yang diutuskan oleh Rasulullah ke negeri Yaman. 27

ان رسول الله (ص) لما بعث معاذاً الى اليمن قال: كيف تصنع اذا عرض اليك قضاء؟ قال: اقتصي في كتاب الله تعالى فان لم يكن في كتاب الله قال: فسنة رسول الله فان لم يكن في سنة رسول الله قال احسن حديث اوتي ولو اوتى قال: خال يضرب رسول الله صلى الله عليه وسلم فقال: الحمد لله الذي وفق رسول الله لما يرضي رسول الله .

Maksudnya;

Sewaktu mengutuskan Mu'az ke Yaman Baginda bertanya; Bagaimana kamu akan lakukan sekiranya dikemukakan sesuatu kes? Jawab: Saya akan memutuskan dengan Kitab Allah. Baginda bertanya: Kalau tidak terdapat dalam kitab Allah? Saya akan rujuk kepada Sunnah Rasulullah. Kalau tidak didapati juga? Saya berijtihad menggunakan fikiran saya dan tidak cuai. Mu'az berkata, Rasulullah menepok dada saya dan bersabda; Segala puji bagi Allah yang memberi taufik kepada utusan Rasulullah dengan apa yang diredai oleh Rasulullah.

Hadis yang diriwayatkan Abdullah bin Umar bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; 28

لا يصل لثلاثة يكونون بفلاة من الارض الا اسروا عليهم اعداهم

Maksudnya;

Tidak halal bagi tiga orang yang berada di tanah lapang kecuali mereka mengangkat salah seorang di antara mereka sebagai pemimpin.

Dan satu lagi hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar, Rasulullah bersabda; 29

لا حسد الا في اثنين رجل اتاه مالا  
فسلطه علي هلكته في الحق واخر اتاه  
الله حكمة فهو يقضيها ويعلمها

Maksudnya;

Tidak boleh dengki dalam dua hal, seseorang lelaki yang dianugerahkan harta, lalu tergerak hatinya untuk menghabiskannya pada jalan yang benar dan seseorang lelaki yang dianugerahi oleh Allah Hikmah, lalu ia memutuskan perkara dengannya dan mengajarkannya.

### 1.3.2 Dalil dari Ijma' Ulama'

Pada dasarnya seluruh para ulama' telah bersepakat tentang keadaan ini bermula dari zaman sahabat sehingga kini bahawa institusi kehakiman ini adalah satu tuntutan islam. Mereka semua menetapkan bahawa peradilan itu adalah sepertimana kata-kata Saidina Umar r.a.,

فريضة محكمة وسنة متبعة

Ertinya:

Suatu fardu adalah jelas dan suatu Sunnah (peraturan) yang harus diikuti.

Begitu juga dengan Rasulullah s.a.w, Baginda turut bertindak sebagai hakim dan begitulah seterusnya para Khalifah selepasnya, Khalifah Abu Bakar Al Siddiq apabila didapati tidak ada hukum di dalam Al-Qur'an dan Al-Sunnah, Baginda memanggil para sahabat lain dan apabila sepakat dengan sesuatu hukum itu, maka ia terpakai.

Pelaksanaan sistem kehakiman islam ini sememangnya perlu dalam kehidupan manusia demi keadilan dan kesejahteraan umat. Oleh itu adalah wajar hakim melaksanakan tugas-tugasnya yang bertindak selaku wakil kepada pemimpin negara di dalam menyelesaikan segala masalah, pertelingkahan, dan perselisihan faham umat amnya.

#### 1.4 Kepentingan Jawatan Hakim atau Qadhi

Tujuan disyariatkan sistem kehakiman dan qadhi ini mempunyai hikamah dan kepentingan sendiri. Ini disebabkan untuk kepentingan masalah ummah iaitu dari segi penyusunan sistem kehidupan mereka seperti penyelesaian kepada sebarang pertikaian yang berlaku di kalangan mereka.

Peri pentingnya jawatan hakim atau Qadhi diwujudkan dalam sistem islam adalah disebabkan hakim itu terlibat secara langsung dalam penyelesaian sebarang pertikaian yang berlaku, terutama dari segi pembuat keputusan pada pertikaian tersebut. Peranan jawatan hakim itu dilihat dari firman Allah s.w.t. yang berbunyi; 30

يَا دَاوُدَ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ  
فَاحْكُم بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوَىٰ  
فَيُضِلَّكَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ

Maksudnya;

Wahai Daud, sesungguhnya kami menjadikan kamu khalifah (penguasa) di muka bumi, maka berilah keputusan (perkara) di antara manusia dengan adil dan janganlan mengikuti hawa nafsu kerana ia menyesatkan kamu dari jalan Allah.